

14 AUG 2000

Cuepacs-Pegawai

GAGAL DAMPINGI PEKERJA PEMBANGKANG PENGARUHI KAKITANGAN AWAM

KUALA LUMPUR, 14 Ogos (Bernama) -- Kegagalan pegawai tinggi kerajaan mendampingi pekerja bawahan menyebabkan kakitangan awam mudah dipengaruhi oleh pembangkang, kata Presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam hari ini.

Beliau berkata kerajaan mempunyai banyak peluang untuk menerangkan dasar tertentu kepada kakitangan perkhidmatan awam, namun peluang itu tidak digunakan sepenuhnya, ekoran sikap pegawai dan ketua jabatan yang terlalu mengamalkan birokrasi dan tidak bergaul mesra dengan pekerja bawahan.

"Kegagalan itu menyebabkan kakitangan awam lebih mudah didampingi oleh kalangan tertentu dari parti pembangkang dan ini menjejaskan profesionalisme perkhidmatan awam," katanya kepada Bernama.

Siva Subramaniam berkata demikian ketika mengulas kenyataan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali semalam bahawa profesionalisme perkhidmatan awam kini mula tergugat oleh usaha beberapa pihak tertentu termasuk parti-parti politik.

Bagi menangani masalah itu, beliau menyarankan semua pegawai tinggi kerajaan, terutamanya ketua pengarah supaya "turun ke padang" dengan mengadakan lebih banyak sesi dialog dengan kakitangan bawahan, bagi mengenal pasti masalah mereka di samping menerangkan dasar-dasar kerajaan.

Beliau mahukan supaya pegawai tinggi kerajaan menyahut saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini supaya dikurangkan kareh birokrasi agar mereka lebih mudah didampingi oleh pekerja bawahan.

Siva Subramaniam berkata ketua pengarah haruslah bersikap pro-aktif dalam menentukan kakitangan bawahan mereka dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada masyarakat.

Beliau berkata segala permasalahan dalam sektor awam tidak seharusnya dilihat dari sudut pekerja semata-mata, kerana apa yang lebih penting ialah di peringkat pelaksanaan sesuatu dasar yang melibatkan para pegawai di peringkat atasan.

Mengenai teguran Abdul Halim mengenai layanan pelanggan melalui telefon yang tidak memuaskan, Siva Subramaniam mengakui bahawa sesetengah kakitangan perkhidmatan awam gagal memberi layanan yang memuaskan kepada pelanggan.

Beliau berkata bagi menangani masalah itu beliau mencadangkan agar sistem telefon di jabatan-jabatan kerajaan yang terlibat dimantapkan lagi bagi menentukan setiap panggilan akan menerima layanan yang sewajarnya.

Di samping itu, katanya kerajaan juga perlu mengisi jawatan-jawatan yang kosong seberapa segera bagi mengurangkan beban kerja kakitangan yang sedia ada agar mereka dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan kepada orang ramai.

-- BERNAMA

AKT AHH RI